



PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARAF/JENIS SYARIKAT	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN	TAKLIMAT PROJEK DAN LAWATAN TAPAK	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TUTUP SEBUTHARGA
CADANGAN KERJA MENAIKTARAF MASJID AL-ITTIHADIAH, JALAN MASJID KAMPUNG TENKU HUSSEIN BARU, TAMAN SILIBIN, 30100, PERAK DARUL RIDZUAN.	Bumiputera T1 •T1 – Syarikat 100% Milik Tempatan	Berdaftar Dengan CIDB Gred : G3 Kategori : B Pengkhususan : B04 (Kerja Am Bangunan) Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan & Sijil Taraf Bumiputra	Berkumpul di tapak projek pada 27 Januari 2022 (Khamis), jam 9.30 pagi	Bahagian Kawalan Projek, PKNPk, Tingkat 5 27 Januari 2022 (Khamis) Hingga 10 Februari 2022 (Khamis)	RM 150.00 (Dalam Bentuk Dokumen Dan CD) Dibayar Secara Tunai	Tarikh: 10 Februari 2022 (Khamis) Masa: Sebelum Jam 12.00 tengahari (Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dilayan)

Taklimat Projek dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Kontraktor atau wakil kontraktor hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan penjarakan sosial oleh KKM dan MKN. Pemakaian penutup muka semasa Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan individu yang gagal berbuat demikian **TIDAK DIBENARKAN** mengambil bahagian dalam sebut harga ini.

- Pihak kontraktor perlu mengemukakan **Sijil Pendaftaran Asal** yang masih sah tempohnya yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam bidang berkaitan untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil bahagian dalam sebut harga ini. Hanya syarikat yang berdaftar di **NEGERI PERAK** yang layak untuk mengambil bahagian di dalam sebut harga ini. **Salinan fotostat Sijil Pendaftaran tidak akan dilayan.**
- Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Kawalan Projek, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) semasa waktu pejabat.
- Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai sebut harga ini boleh berhubung dengan pegawai berikut:
i. En. Muhamad Rossairi Bin Ruslan (Tel : 011-6316 8088) ii. Pn. Nur Sobiha Aqilah Binti Mohd Suhaimi (Tel : 014-293 8350)
- Dokumen sebut harga boleh dibeli pada waktu pejabat bermula pukul 9.00 pagi sehingga 4.00 petang (Isnin – Jumaat) di **Bahagian Kawalan Projek, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk), No. 1-A, Tingkat 5, Blok A, Menara PKNP, Jalan Meru Casuarina, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan secara bayaran TUNAI sahaja. Kontraktor dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan satu salinan bagi sijil tersebut semasa membeli dokumen sebutharga.**
- Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah **dimasukkan ke dalam Peti Tender Bahagian Kawalan Projek, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk), No. 1-A, Tingkat 5, Blok A, Menara PKNP Jalan Meru Casuarina, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan tidak lewat daripada 10 Februari 2022 (Khamis), sebelum jam 12.00 tengahari.** Pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebarang sebut harga.